

27/05/2001

Perakuan MT perkuat perang terhadap politik wang

MINGGU ini Kiau hendak cakap sikit lagi mengenai orang Melayu, politik wang dan K-ekonomi. Secara langsung atau tidak, hal-hal ini kena-mengena antara satu sama lain dan kesannya kepada orang Melayu sangat besar.

Mula-mula sekali keputusan Majlis Tertinggi Umno merakukan keputusan dan tindakan Lembaga Disiplinnya mengenai politik duit. MT yang bermesyuarat Isnin lalu menyokong keputusan Lembaga Disiplin yang mendapati enam pemimpin peringkat bahagian terbabit dalam politik duit dan membatalkan kemenangan mereka dalam pertandingan bahagian.

Kita sudah tahu siapa mereka ini, jadi tidak payahlah Kiau menyebutnya lagi. Memadailah kalau Kiau katakan tindakan tegas ke atas mereka hendaklah dijadikan teladan oleh semua ahli dan pemimpin Umno.

Politik duit bukan semata-mata mencurahkan wang atau memberi sogokan. Politik duit boleh juga bererti menggunakan kedudukan seseorang dalam syarikat atau pertubuhan untuk mempengaruhi keputusan pemilihan parti.

Kiau yakin Umno tidak tegah ahlinya daripada berniaga dan menjadi kaya-raya. Umno tidak tegah ahlinya berpersatuan. Tapi yang Umno tidak mahu ialah ahli menggunakan kedudukan mereka dalam sektor korporat atau pertubuhan untuk mendapat atau mengekalkan jawatan di mana-mana juga peringkat parti.

Kiau sudah banyak kali cakap ahli Umno kena kembangkan sayap. Jadi sangat eloklah kalau ada ahli Umno yang cergas dalam bidang korporat dan kesatuan. Dengan itu bolehlah mereka menjaga kepentingan parti, di dalam dan luar.

Tapi yang Umno tidak mahu ialah ahli yang ada syarikat atau persatuan guna syarikat dan persatuan mereka untuk tujuan sempit mendapat jawatan dalam parti.

Kita boleh berderma dan buat kebajikan. Tapi bila derma dan kebajikan kita itu nampak sangat tertumpu kepada kawasan tertentu atau pada waktu-waktu tertentu, tentulah timbul syak wasangka yang derma dan kebajikan itu ada tujuan lain.

Kiau ucap tahniah kepada MT di atas keputusannya memperakukan tindakan Lembaga Disiplin. Sebaliknya kalau MT tidak tegas, Kiau bimbang keyakinan terhadap Umno dan kredibiliti Umno akan dipertikai.

Apatah lagi apabila mesyuarat MT itu dipengerusikan sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang jadi pengasas kempen antipolitik duit dalam Umno.

Mengenai K-ekonomi pula, Kiau sekali lagi kata orang Melayu janganlah sekadar guna K-ekonomi sebagai cogan kata sahaja. Mereka hendaklah belajar dan betul-betul faham apakah ekonomi yang berasaskan 'K' itu.

Kiau faham kalau istilah K-ekonomi itu mengelirukan orang Melayu kerana pokok pangkalnya bukanlah dalam bahasa Melayu, tapi bahasa Inggeris. K yang dimaksudkan itu ialah knowledge, yang dalam bahasa Melayu bererti pengetahuan.

Jadi orang Melayu, khasnya yang akan masuk pasaran buruh atau yang hendak berniaga perlulah faham betul-betul apakah keperluan dan tuntutan ekonomi pada masa akan datang.

Maaflah kalau Kiau kata ada pemimpin kita yang bercakap tidak beralas. Kiau dengar ada yang kata rakyat Malaysia tidak perlu bimbang hilang pekerjaan atau menganggur.

Kenyataan macam ini boleh pesongkan orang ramai dan buat mereka lalai. Hakikat yang kita kena terima sekarang ialah bukan sahaja ekonomi kita

yang semakin lembap, malah ekonomi seluruh dunia.

Dalam keadaan itu, tentulah keperluan kepada pekerja baru tidak sebanyak dulu lagi, manakala yang sudah bekerja pun mungkin hilang pekerjaan kalau syarikat dan perniagaan mereka tidak dapat bertahan.

Tekanan terhadap pasaran buruh tidak dapat tidak akan terjadi. Kita yang baca surat khabar mungkin terbaca berita mengenai beribu-ribu pencari kerja serbu dewan Hospital Bahagia di Perak untuk mengisi 400 kekosongan jawatan di beberapa hospital di negeri itu.

Kiau harap semua pihak, daripada pencari kerja kepada kesatuan-kesatuan sekerja dan majikan, ambil iktibar daripada berita itu.

Masalah dengan kita ialah kerana ekonomi kita kuat dan kemelesetan yang kita alami tidak lama, orang kita mudah lupa dan kita kadang-kadang tidak berminat buat perubahan.

Kiau ingat lagi, masa ekonomi kita meleset agak lama pada pertengahan tahun 80-an, kerajaan dan sektor swasta adakan Skim Siswazah Menganggur. Hari ini banyak siswazah yang ambil bahagian dalam skim itu kekal dalam jawatan mereka dan sudah jadi pegawai tinggi.

Kiau rasa elok kalau skim ini atau skim seumpamanya diadakan semula sebagai persediaan hadapi pengangguran. Kiau yakin banyak syarikat swasta yang mampu dan bersedia mengadakan skim seumpama itu kalau mendapat galakan tertentu, seperti pengecualian cukai daripada kerajaan.

Dalam konteks lebih luas, penyusunan semula struktur ekonomi khasnya dalam bidang kewangan yang bermula ketika kemelesetan ekonomi 1997/98 hendaklah diteruskan walaupun lebih sukar.

Jadi, kita semua janganlah seronok sangat atau mudah sangat percaya kempen-kempen membeli-belah. Kita boleh membeli-belah, tapi hendaklah secara berhemat. Simpanan yang ada dalam skim amanah atau dalam bank hendaklah kita jaga betul-betul sebab kita tidak tahu berapa lama kelembapan ekonomi sekarang akan berterusan.

(END)